

70,000 dijangka kunjung Ekspo Pertanian, Pesta Konvokesyen UPM 2013

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) tahun ini dijangka mampu menarik kehadiran kira-kira 70,000 pengunjung.

Pengarah Taman Pertanian Universiti (TPU), UPM, Prof. Dr. Abd. Wahid Haron berkata, keyakinan jumlah kehadiran itu berdasarkan tempoh acara yang berlangsung selama enam hari berbanding lima hari pada ekspo sama tahun lalu yang berjaya menarik 50,000 pengunjung.

"Ditambah promosi yang telah dijalankan lebih awal serta pelbagai program dan aktiviti yang ditawarkan, penganjuran ekspo kali ini sudah tentu mampu menarik lebih ramai pengunjung," katanya kepada pemberita pada majlis pra pelancaran dan sidang akbar ekspo tersebut di sini hari ini.

Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM kali ini yang bertemakan *Pertanian Bandaran Memupuk Kesejahteraan Rakyat* akan diadakan bermula 25 hingga 30 Oktober bermula dari pukul 10 pagi hingga 10 malam di Bukit Ekspo,



ABD. Wahid Haron (empat dari kiri) dan Pengurus Kanan Pengedaran Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Rosman Zulkifli (empat dari kanan) pada sidang akbar dan praperlancaran Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM 2013 di Bukit Ekspo, Taman Pertanian UPM di Serdang, Selangor, semalam.

Taman Pertanian Universiti, UPM.

Akhbar *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* merupakan media rasmi ekspo tersebut buat tahun kedua berturut-turut.

Sementara itu jelas Abd. Wahid, orang ramai diharap tidak melepaskan peluang untuk hadir ke ekspo

kali ini kerana penganjurannya berbeza berbanding pesta konvokesyen di universiti-universiti tempatan lain.

"Jenama Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM itu sendiri telah menampilkan kelainan menerusi pameran dan aktiviti berteraskan per-

tanian termasuk jualan hasil tani yang tidak terdapat di universiti lain.

"Pameran ternakan, lelongan kuda, jualan hasil pertanian termasuk anak benih, pokok buah-buahan dan hiasan antara acara yang dijangka dapat menarik kehadiran pengunjung," katanya.